# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) ASRAMA PEKERJA KILANG OCEANIC FABRIC MILL DAN ASRAMA PEKERJA KILANG PURNABINA, DAERAH KLUANG, JOHOR

Dikemaskini pada 22 Mei 2021

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan rawatan kesihatan
- Mendapatkan bekalan makanan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | Asrama Pekerja Kilang Oceanic Fabric Mill dan Asrama Pekerja Kilang Purnabina, Daerah Kluang, Johor |
| Tempoh Kuat Kuasa | 23 Mei 2021 (12.01 am) hingga 5 Jun 2021 (11.59 pm) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.<br>• Semua Staf Kilang/Penghuni Asrama di dalam kawasan PKPD tidak dibenarkan keluar dari asrama/tempat tinggal masing-masing.<br>• Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu seperti pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan oleh PDRM dan KKM.<br>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan, kesihatan dan kematian perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM dan KKM berdasarkan *case to case basis.* |
| Saluran Makanan dan keperluan | • Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas akan diselaraskan oleh pihak Kilang Oceanic Fabric Mill dan Kilang Purnabina dan diagihkan oleh Pusat kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB).<br>• Sumbangan keperluan makanan dan barangan keperluan dari NGO dan lain- lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah. |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Semua aktiviti sosial, keagamaan, sukan dan rekreasi adalah **tidak dibenarkan.**<br>• Saringan secara bersasar kepada penghuni asrama dan Staf Kilang di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |